



**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI  
BILANGAN 16 TAHUN 2012**

**PINDAAN KEPADA SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI  
BILANGAN 2 TAHUN 2004  
JAWATANKUASA NAZIRAN**

1. Tujuan Surat Pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk meminda Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 2 Tahun 2004.
2. Para 3 – Keanggotaan di Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 2 Tahun 2004 dipinda sebagaimana berikut:-

Keanggotaan Jawatankuasa Naziran

3.1.1. Peringkat Negeri

Pengerusi	: YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Timbalan Pengerusi	: YB Pegawai Kewangan Negeri
Urusetia	: Ketua Unit Audit Dalam
Keahlian	: Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Pegarah Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Pegarah Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat Pegarah Urus Setia Integriti Dan Inovasi Pegarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Ketua Penolong Setiausaha (Khidmat Pengurusan) Ketua Penolong Setiausaha (Kerajaan Tempatan) Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Korporat) Ketua Penolong Pegarah (Pengurusan Sumber Manusia) Penolong Pegarah (Perkhidmatan) Penolong Pegarah (Prestasi Dan Kaunseling) Penolong Setiausaha (Pengurusan Aset Dan Bangunan) Penolong Setiausaha (Pentadbiran)

### 3.1.2. Peringkat Agensi:-

Pengerusi	: Ketua Agensi
Timbalan Pengerusi	: Timbalan Ketua Agensi
Urusetia	: Pegawai yang menjalankan tugas-tugas pentadbiran di Agensi
Keahlian	: Ketua Bahagian / Unit di Agensi

3. Para 4 – Mekanisme Pelaksanaan di Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 2 Tahun 2004 ditambah sebagaimana berikut :-

#### 4.1. Peranan fungsi ditambah dengan:-

4.1.5. Memeriksa, menyemak, menilai dan melapor tahap pelaksanaan pekelliling-pekelliling mengenai Pelan Strategik ICT, Dasar Keselamatan ICT, Jawatankuasa ICT, Pengurusan Laman Web.

4.1.6. Membuat penilaian terhadap tahap kesedaran pengamalan nilai-nilai murni di kalangan penjawat awam disamping melihat inisiatif organisasi dalam membina serta meningkat dan menerapkan nilai-nilai murni di kalangan kakitangannya.

4.1.7. Memeriksa, menyemak, menilai dan melapor tahap pelaksanaan pekelliling-pekelliling mengenai peraturan penggunaan, pengurusan dan penyenggaraan kenderaan kerajaan, pemandu dan tugasnya, pelupusan kenderaan.

4.1.8. Memeriksa, menyemak, menilai dan melapor tahap pelaksanaan pekelliling-pekelliling mengenai Pelaksanaan Pengawalan Keselamatan Pejabat.

4. Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 16 Tahun 2012 ini berkuatkuasa serta-merta.

**# ISLAM DIJUNJUNG, RAJA DISANJUNG, RAKYAT DIPAYUNG #**  
**# TAHUN MELAWAT KELANTAN #**

Yang menurut perintah,



(DATO' HAJI ISMAIL BIN SAMAH)  
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)  
b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN  
BLOK 2, ARAS 1, KOTA DARULNAIM  
15503 KOTA BHARU.

Bertarikh : 06 Zulhijjah 1433H Bersamaan  
22 Oktober 2012

SUK.D.200(01) 600/10 Jld. 5(6)

Kepada : Semua Ketua Jabatan Negeri

Ketua Pengurusn  
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Ketua Pengurusan  
Pihak Berkuasa Berkanun Negeri